



## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

### ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

#### BILANGAN 2 TAHUN 2026

#### PEMBAYARAN KEPADA

#### KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI

PADA menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya di bawah perenggan 57(2)(b) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665], saya, **NOOR AFIFAH BINTI ABDUL RAZAK**, Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menentukan peratus (%) daripada untung bersih teraudit bagi setiap tahun kewangan yang diperoleh oleh tiap-tiap koperasi (tidak termasuk koperasi sekolah) sebagai jumlah wang yang kena dibayar oleh koperasi itu kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi mulai tahun kewangan berakhir 30 Jun 2026 adalah seperti berikut:

<i>Untung Bersih Teraudit (RM)</i>	<i>Kadar Peratus</i>
0 – 49,999	0 %
50,000 dan ke atas	2 %

2. Dengan berkuat kuasanya Arahan ini, Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2021 bertarikh 13 April 2021 masih terpakai sehingga tahun kewangan berakhir 31 Mei 2026.

  
(NOOR AFIFAH BINTI ABDUL RAZAK)  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

DIKELUARKAN PADA 7 APRIL 2026  
NO. RUJUKAN: SKM.IP. (AM): 7964 SJ.5 Jilid. 3 (31)